


Newspaper	BERITA HARIAN
Date	3 APRIL 2016

## MITI layak pantau model perniagaan PROTON: Idris

RA - 3/4/2016

**Bangi:** Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) adalah pihak yang layak memantau dan meneliti semula model perniagaan PROTON Holdings Bhd (PROTON) yang diguna pakai ketika era Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai pengerusi syarikat berkenaan.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Idris Jusoh (**gambar**), berkata bantuan dari pihak yang berkelayakan itu perlu bagi memastikan syarikat pengeluar kereta nasional itu bebas daripada dibelenggu ketidakupayaan bersaing dengan syarikat automotif asing terkemuka.



Katanya, MITI yang diketuai menteri, Datuk Seri Mustapa Mohamed mengetahui isu yang sedang melanda syarikat yang ditubuhkan pada 1983 oleh Dr Mahathir ketika menjadi Perdana Menteri keem-

pat Malaysia.

"Saya beranggapan, beliau (Mustapa) sudah lama memegang portfolio dalam sektor perdagangan dan industri tempatan mahupun luar negara.

"Ditambah pula, MITI mempunyai agensi khusus berkaitan automotif iaitu Institut Automotif Malaysia (MAI).

"Pada hemat saya, MITI arif terhadap permasalahan yang berlaku dalam PROTON. Ini bermaksud, mereka layak memantau model perniagaan PROTON," katanya kepada pemberita selepas perasmian penutupan Program Jom Masuk IPT di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mary Yap Kain Ching.

### Pemuda anggap Dr M celaru

Sementara itu, Naib Ketua Pemuda UMNO, Khairul Azwan Harun, berkata Pemuda UMNO menganggap Dr Mahathir semakin celaru dan tidak bertanggungjawab apabila melepaskan jawatan sebagai pengerusi ketika PROTON sedang berdepan masalah kewangan.

Sehubungan itu, katanya, tindakan tidak bertanggungjawab itu meletakkan pekerja dan vendor PROTON dalam ketidaktentuan dan masa depan gelap.

"Akhirnya kerajaan pula dipaksa untuk menyelamatkan PROTON.

"Dr Mahathir, lembaga pengarah dan pengurusan syarikat perlu telus dengan ribuan pekerja serta vendor yang meletakkan harapan yang tinggi kepada mereka.

"Mereka perlu menjawab kenapa selepas diambil alih oleh sebuah konglomerat yang hebat, masih gagal untuk berdaya saing dan bebas berdikari.

"Apa terjadi dengan pelan pemulihan PROTON oleh DRB-Hicom Bhd," katanya dalam kenyataan semalam.